

MOTAC 360°

EDISI 4: 1 - 13 OKTOBER 2024



**MOTAC MENGUNGGULI
HARI SUKAN 2024 @ MOTAC**

MENARIK DI DALAM

**MAJLIS SAMBUTAN
HARI SUKAN NEGARA 2024 @ MOTAC 2**

**THE INTERNATIONAL TOURISM AND CULTURES
EXHIBITION & CONFERENCE (INTAC24) 4**

**ROAD TO UNESCO: MERAIKAN WARISAN KITA
..... 7**

**PERSIDANGAN PELANCONGAN LESTARI SEMPENA
HARI PELANCONGAN SEDUNIA 2024 9**

**TEATER PUTERI HANG LI PO DI ENCORE
MELAKA 10**

**MOTAC HARGAI DAN RAI 65 PESARA
..... 12**



MAJLIS SAMBUTAN HARI SUKAN NEGARA 2024 @ MOTAC



11 OKTOBER 2024 - YBhg. Datuk Wira Roslan Tan Sri Abdul Rahman, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) telah merasmikan Sambutan Hari Sukan Negara @ MOTAC (HSN2024@MOTAC) pada 11 Oktober 2024 di MOTAC Putrajaya.

HSN2024@MOTAC telah dianjurkan pada 10 dan 11 Oktober 2024 di pekarangan MOTAC, Kompleks Sukan ILSAS dan Arena Sukan UNITEN, Bangi. Program yang dilaksanakan bersempena dengan Hari Sukan Negara merupakan agenda nasional di bawah Kementerian Belia dan Sukan (KBS) sejajar dengan aspirasi Malaysia MADANI yang melahirkan masyarakat sihat dan sejahtera.

Penganjuran HSN2024@MOTAC yang diungguli oleh kontinjen MOTAC tahun ini turut melibatkan jabatan dan agensi di bawah MOTAC menjadikan HSN2024@MOTAC tahun ini lebih berdaya saing dan meriah. Antara aktiviti dan sukan yang dipertandingkan termasuklah bola jaring, bola sepak, tarik tali, bola tampar, e-Sports dan lain-lain lagi.

Turut hadir, YBhg. Dato' Shahrudin bin Abu Sohot, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) MOTAC, YBrs. Puan Aini Zulfa bin Abd Rahim, Setiausaha Bahagian Pentadbiran MOTAC dan pengurusan tertinggi MOTAC.





MOTAC MENGUNGGULI HARI SUKAN 2024 @ MOTAC



11 OKTOBER 2024 - Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) dinobatkan sebagai pemenang keseluruhan bagi Sambutan Hari Sukan Negara 2024 @ MOTAC yang berlangsung pada 10 dan 11 Oktober 2024 di pekarangan MOTAC, Kompleks Sukan ILSAS dan Arena Sukan UNITEN, Bangi, Selangor.

HSN2024@MOTAC melibatkan sukan tumpuan seperti tarik tali yang dimenangi oleh Tourism Malaysia, bola jaring dimenangi oleh MOTAC, bola tampar dimenangi oleh Istana Budaya, bagi acara Ping Pong pula dimenangi oleh Tourism Malaysia, manakala bola sepak pula telah dijuarai oleh Kraftangan Malaysia.

MOTAC sentiasa komited dalam menjayakan agenda kerajaan yang selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI menjadikan rakyat dan masyarakat yang sejahtera.



**MOTAC MEMENANGI
2 EMAS
2 PERAK
1 GANGSA**



OPENING CEREMONY OF THE INTERNATIONAL TOURISM AND CULTURES EXHIBITION & CONFERENCE (INTAC24)



3 OKTOBER 2024 - YB Khairul Firdaus Akbar Khan, Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya telah menerima kunjungan hormat daripada TYT Emir Salim Yüksel, Duta Republik Turki ke Malaysia di Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC). Semasa pertemuan ini, kedua-dua pihak telah membincangkan mengenai pengukuhan hubungan di antara kedua negara melalui jalinan kerjasama dan silang budaya. Kerjasama ini melibatkan sektor pelancongan dan seni budaya yang mampu memberi impak positif bukan sahaja kepada meningkatkan lagi hubungan diplomasi malah berpotensi memberi manfaat kepada kedua negara dari segi limpahan ekonomi dan perkongsian seni budaya dan warisan.

Turut hadir, YBrs. Dr. Christina Yeo Ken Yin, Setiausaha Bahagian Hubungan Antarabangsa Kebudayaan MOTAC, Encik Khairulnizam bin Saad, Ketua Penolong Setiausaha Kanan, Bahagian Dasar Pelancongan dan Hubungan Antarabangsa MOTAC dan pegawai-pegawai kanan MOTAC.

SEKITAR PSYCHOLOGY AND HR DAY MOTAC



**Jom Meriahkan
PSYCHOLOGY
&
HR DAY MOTAC
2024**

**3 OKTOBER 2024
KHAMIS
8:30 - 5:00
PAGI PETANG
RUANG LEGAR LOBI
MOTAC**

Booth Menarik Menanti Anda!!!

BOOTH PERKHIDMATAN

- BOOTH HR
- e-PSIKOLOGI, e-KURSUS, e-LATIHAN & e-MADANI
- SEMAKAN BUKU SERVIS & HRMIS (KAMI HANGAT MOTAC SAMA)
- SEMAKAN MYPERFORMANCE
- KLINIK KESEHATAN LPPKN (Unit Kesihatan & Pakar Sihat) (Malam RM 10.00 / Pemeriksaan Tekanan Darah, Gula, Kolestrol & BMI / Diadakan Bersama Sistem Mandatori Pemeriksaan) (Diskaun sehingga 30%)
- KAUNTER BANTUAN SAMAN PDWM (Diskaun sehingga 30%)
- TOURISM MALAYSIA/ITM
- MAMACARE
- CUEFA3CARE
- SSPN
- AADK
- AWRK
- TABUNG HAJI
- ZAKAT MAIWP
- BANK ISLAM
- JAWI
- PEJABAT BUKTI (Klinik BUKUM)

BOOTH JUALAN

- PUSPANITA
- JUALAN PRODUK KRAF
- BUKU-BUKU MOTIVASI
- JUALAN PRODUK PENJARA
- JUALAN BUKU DAN PAMERAN (Modul Anak-Remaja (BANI))

Putar & menang!!
Sertai
Kuiz HR Day



3 OKTOBER 2024 - Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) telah menganjurkan *Psychology and HR Day* bertempat di Dewan Sanggar Pujangga, MOTAC. Penganjuran program ini bertujuan memperkenalkan perkhidmatan psikologi kaunseling kepada warga MOTAC selain memberikan pendedahan serta kesedaran kepada warga MOTAC berkaitan kesejahteraan emosi, mental dan psikologi sewaktu bekerja. Pelbagai aktiviti berkaitan psikologi telah ditawarkan selain perkongsian pengalaman bersama penceramah pakar dalam bidang psikologi, pemeriksaan kesihatan, semakan buku servis, HRMIS, *myPerformance*, *e-Kursus*, *e-Latihan* serta pameran dan jualan dari jabatan / agensi kerajaan yang lain. Program ini juga merupakan hasil kerjasama antara Unit Pengurusan Psikologi, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) dan PUSPANITA Cawangan MOTAC.



KUNJUNGAN HORMAT DUTA REPUBLIK TURKI KE ATAS YB TIMBALAN MENTERIPELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA



1 OKTOBER 2024 - YB Khairul Firdaus Akbar Khan, Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya telah menerima kunjungan hormat daripada TYT Emir Salim Yüksel, Duta Republik Turki ke Malaysia di Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC). Semasa pertemuan ini, kedua-dua pihak telah membincangkan mengenai pengukuhan hubungan di antara kedua negara melalui jalinan kerjasama dan silang budaya. Kerjasama ini melibatkan sektor pelancongan dan seni budaya yang mampu memberi impak positif bukan sahaja kepada meningkatkan lagi hubungan diplomasi malah berpotensi memberi manfaat kepada kedua negara dari segi limpahan ekonomi dan perkongsian seni budaya dan warisan.

Turut hadir, YBrs. Dr. Christina Yeo Ken Yin, Setiausaha Bahagian Hubungan Antarabangsa Kebudayaan MOTAC, Encik Khairulnizam bin Saad, Ketua Penolong Setiausaha Kanan, Bahagian Dasar Pelancongan dan Hubungan Antarabangsa MOTAC dan pegawai-pegawai kanan MOTAC.

KUNJUNGAN HORMAT PIHAK PUTRAJAYA HOLDINGS SDN. BHD. KE ATAS KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA



1 OKTOBER 2024 - YBhg. Datuk Wira Roslan Tan Sri Abdul Rahman, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) telah menerima kunjungan hormat daripada YBhg. Dato' Ir. Ts. Izwan Hasli Mohd Ibrahim, Ketua Pegawai Eksekutif Putrajaya Holdings Sdn. Bhd. diiringi dengan pegawai kanannya. Turut hadir sesi kunjungan tersebut adalah YBrs. Puan Masliza binti Che Omar, Setiausaha Bahagian Pembangunan Industri MOTAC, YBrs. Puan Siti Syafiah Noryana binti Mohd Nor, Ketua Komunikasi Korporat MOTAC dan pegawai-pegawai kanan MOTAC.



PROGRAM MERAKYATKAN SENI BUDAYA: EKSPRESI SENI DAN BUDAYA PAPAR 2024

5 OKTOBER 2024 - YB Khairul Firdaus Akbar Khan, Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya telah merasmikan Program Merakyatkan Seni Budaya: Ekspresi Seni dan Budaya Papar 2024, yang turut dihadiri oleh YB Datuk Armizan Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup di Dewan Masyarakat Papar.

Program anjuran Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Negeri Sabah (Jkkn Sabah) ini bertujuan menyemarakkan seni dan budaya masyarakat di daerah Papar, Sabah. Penganjuran program ini juga mempromosi dan menonjolkan keunikan seni budaya majmuk di daerah Papar, di mana melalui penglibatan persatuan-persatuan badan-badan seni budaya dan generasi muda memainkan peranan yang amat penting dalam mengekalkan legasi seni budaya negara.

Sejajar dengan hasrat Malaysia MADANI dalam mewujudkan masyarakat berbudaya tinggi, MOTAC melalui jabatan dan agensi di bawahnya terus komited memartabatkan kelestarian seni budaya dan warisan negara juga sentiasa dipelihara. YB Khairul Firdaus dan YB Datuk Armizan turut meluangkan masa mengadakan lawatan ke tapak gerai jualan Rahmah dan sesi temu mesra bersama orang awam serta peniaga. Turut hadir, YBrs. Encik Ibrahim bin Othman, Pengarah MOTAC Negeri Sabah, YBrs. Puan Audrey Isabella binti Noikin, Penolong Pegawai Daerah Papar dan ketua-ketua jabatan / agensi persekutuan dan negeri.



MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN FESTIVAL KRAF UTARA 2024



5 OKTOBER 2024 - Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail dan Duli Yang Teramat Mulia Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Dr. Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil berkenan berangkat dan menyempurnakan Majlis Perasmian Penutupan Festival Kraf Utara (FKU) 2024 bertempat di Kraftangan Malaysia Cawangan Perlis. Pada majlis ini, DYTM Tuanku Raja Muda Perlis turut berkenan mengurniakan Sijil Penyertaan kepada peserta Projek Pembangunan Kemahiran Komuniti (PPKK) Kraf Batik Tanah Liat Kuala Perlis yang diadakan pada 20 sehingga 24 September 2024. Projek ini melibatkan peserta dari kalangan asnaf dengan kerjasama pihak Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPS).

Sempena majlis ini juga, DYTM Tuanku Raja Muda Perlis berkenan mengurniakan Sijil Penghargaan Rakan Strategik FKU 2024 kepada jabatan dan agensi yang terlibat atas sokongan dan kerjasama dalam menjayakan FKU 2024. Terdahulu, YBhg. Dato' Shahrudin bin Abu Sohot, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) turut menyampaikan ucapan pada majlis ini. Duli-Duli Tuanku turut mencemar duli meluangkan masa menyantuni para usahawan dan komuniti kraf yang terlibat di reruai Jualan Kraf dan Pameran Kraf FKU 2024.

Turut hadir ialah YAB Tuan Mohd Shukri bin Ramli, Menteri Besar Perlis dan isteri, YB Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Hadir sama dan menyambut keberangkatan DYTM Tuanku Raja Muda Perlis dan DYTM Raja Puan Muda Perlis serta tetamu kehormat ialah YBhg. Datuk `Ainu Sham binti Haji Ramli, Ketua Pengarah Kraftangan Malaysia, Ahli Lembaga Pengarah Kraftangan Malaysia dan para pengurusan.





ROAD TO UNESCO: MERAIKAN WARISAN KITA

SEKITAR PENGANJURAN ROAD TO UNESCO: CELEBRATING OUR HERITAGE

5 OKTOBER 2024 - Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Jabatan Warisan Negara (Department of National Heritage) (JWN) telah menganjurkan Program **“Road to UNESCO: Celebrating Our Heritage”** pada 5 dan 6 Oktober 2024 bertempat di Subang Parc, Subang Jaya, Selangor. Program ini merupakan inisiatif JWN untuk mempromosikan dan menggalakkan sebarang aktiviti berkaitan Budaya Sarapan di Malaysia dan Kebaya yang telah dicalonkan ke peringkat UNESCO pada tahun 2023.

Kedua-dua pencalonan ini diinskripsi pada bulan Disember 2024 semasa sesi ke-19 *“Intergovernmental Committee for the Safeguarding of the Intangible Cultural Heritage”* yang akan diadakan di Asuncion, Paraguay. Pelbagai aktiviti menarik ditawarkan kepada orang awam untuk memahami, menghayati dan merasai sendiri keunikan Budaya Warisan Negara. Antara yang menarik, Borak Warisan: Budaya Sarapan di Malaysia, Sembang Santai Upacara Wangkang dan Dondang Sayang, Pencarian Ratu Kebaya Klasik, Persembahan Wayang Kulit Kelantan, pameran dan jualan produk makanan warisan.

Penganjuran program ini juga merupakan usaha yang dilaksanakan oleh JWN untuk mempromosi, melindungi dan mendokumentasi kepelbagaian warisan kebudayaan tidak ketara tempatan yang telah mendapat pengiktirafan UNESCO, termasuklah Mak Yong (2005), Dondang Sayang (2018), Silat (2019), Upacara Wangkang (2020), Pantun (2020), Songket (2021) dan Mek Mulung (2023). Selain itu, program ini turut menampilkan Wayang Kulit Kelantan yang telah dicalonkan ke UNESCO pada tahun 2024 serta Tarian Singa dan Chingay yang akan dicalonkan pada tahun 2025.

Budaya Sarapan di Malaysia dan Kebaya akan diinskripsi pada bulan Disember 2024 semasa sesi ke-19 “Intergovernmental Committee for the Safeguarding of the Intangible Cultural Heritage”





ROAD TO UNESCO: MERAIKAN WARISAN KITA



MAJLIS PERASMIAN PROGRAM ROAD TO UNESCO: MERAIKAN WARISAN KITA (CELEBRATING OUR HERITAGE)

6 OKTOBER 2024 - YBrs. Tuan Mohamad Muda bin Bahadin, Ketua Pengarah Jabatan Warisan Negara (JWN) mewakili YB Dato Sri Tiong King Sing, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya telah merasmikan program **"Road to UNESCO: Meraikan Warisan Kita (Celebrating Our Heritage)"** bertempat di Subang Parc, Subang Jaya, Selangor. Program ini merupakan inisiatif Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui JWN untuk mempromosikan aktiviti berkaitan Budaya Sarapan di Malaysia dan Kebaya yang telah dicalonkan ke peringkat UNESCO.




Program utama "Jom! Sarapan Berkebaya" pada sesi pagi yang membawakan tema bersarapan sambil memakai busana Kebaya telah menarik lebih 1,000 orang pengunjung pelbagai etnik menyertainya. Budaya Sarapan di Malaysia adalah berkait rapat dengan amalan pemakanan sarapan pagi. Telah menjadi satu pemandangan yang biasa dilihat, apabila rakyat Malaysia bersarapan, menu warisan nasi lemak, roti canai dan teh tarik menjadi pilihan dan kegemaran masyarakat pelbagai kaum sehingga menjadi satu budaya rakyat tempatan.



Program yang diadakan selama dua hari ini telah mendapat kerjasama daripada rakan strategik utama iaitu Malaysian Craft Council dan Fried Chillies Media serta disertai oleh agensi-agensi Kerajaan, Badan Bukan Kerajaan, komuniti, pemain industri, penggiat, pengusaha dan pengkaji yang diundang untuk menayakan aktiviti yang dianjurkan termasuklah Borak Warisan, pameran, demonstrasi, aktiviti interaktif, pertandingan, sembang santai dan persembahan kebudayaan termasuklah Mak Yong, Wayang Kulit Kelantan, Dondang Sayang, Mek Mulung, Tarian Singa dan Chingay.



Penganjuran program ini memperlihatkan komitmen Malaysia dalam melindungi warisan kebudayaan tidak ketara, sejajar dengan Teras 3 Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) iaitu memfokus kepada usaha pemeliharaan dan pemuliharaan warisan budaya. Turut hadir ke majlis perasmian ini, YBrs. Puan Wan Azilawati bin Wan Mahmood, Setiausaha Bahagian Dasar Kebudayaan MOTAC; YBrs. Dr. Christina Yeo Ken Yin, Setiausaha Bahagian Hubungan Antarabangsa Kebudayaan MOTAC; Wakil-wakil Kedutaan, Ahli Majlis Warisan Kebangsaan, serta Pegawai-pegawai Kanan Kementerian dan Agensi.





PERSIDANGAN PELANCONGAN LESTARI SEMPENA HARI PELANCONGAN SEDUNIA 2024

10 OKTOBER 2024 - Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) dengan kerjasama Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) Malaysia, Singapura dan Brunei Darussalam dan Tourism Productivity Nexus (TPN) telah menganjurkan Persidangan Pelancongan Lestari (Sustainable Tourism Conference) sempena Hari Pelancongan Sedunia (World Tourism Day – WTD) 2024 di Hotel DoubleTree by Hilton, Putrajaya.

Bertemakan “Pelancongan dan Keamanan – Membina Semula Daya Tahan dan Kesiediaan Pelancongan Menerusi Pelancongan Lestari” (*Tourism and Peace – Rebuilding Tourism Resilience & Readiness Through Sustainable Tourism*), persidangan ini menampilkan penceramah antarabangsa dan tempatan bagi berkongsi pandangan, idea dan kepakaran masing-masing mengenai amalan, strategi inovatif dan perkembangan terkini pelancongan lestari seiring dengan perkembangan teknologi digital.

Persidangan ini memfokuskan kepada pengamalan pelancongan lestari yang melibatkan pemeliharaan alam sekitar, pemerkasaan ekonomi setempat serta perlindungan terhadap warisan budaya yang dapat menyumbang ke arah keamanan global. Sesi perkongsian ilmu dalam persidangan ini turut membincangkan tajuk mengenai Community Based Tourism, pelancongan bandar dan luar bandar serta kaitannya dengan keamanan dan juga polisi terkini berkaitan industri pelancongan.

Kerjasama erat antara MOTAC, UNDP Malaysia, Singapura dan Brunei Darussalam dan TPN dalam penganjuran Persidangan WTD2024 menunjukkan kesungguhan Malaysia untuk memacu agenda pembangunan mampan di peringkat antarabangsa, khususnya menjelang Kepengerusian ASEAN 2025 dan Kempen Melawat Malaysia 2026.





TEATER PUTERI HANG LI PO DI ENCORE MELAKA

4 OKTOBER 2024 - YBhg. Datuk Wira Roslan Tan Sri Abdul Rahman, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) telah menghadiri pementasan Teater Puteri Hang Li Po di Encore Melaka. Teater Puteri Hang Li Po mengisahkan latar hidup Hang Li Po, puteri Maharaja Cina yang melakar sejarah menghubungkan persahabatan Kesultanan Melayu Melaka dan Kerajaan Cina. Pementasan teater ini juga turut menjadi simbolik bagi meraikan hubungan diplomatik Malaysia-China yang ke-50 tahun ini.

Teater Puteri Hang Li Po juga menampilkan personaliti terkenal tanah air seperti Dewi Serietha, Luqman Hafidz, Brian Chan, Hairi Safwan, Amyza Aznan, Louisa Chong dan ramai lagi. Pementasan teater membawa keterujaan kepada para penonton di mana pentas di Encore Melaka ini merupakan yang paling maju di Asia Tenggara pada masa kini, di samping diiringi dengan ensembel muzik diketuai oleh Encik Mohd Yazid bin Zakaria.

Turut hadir, YB Tuan Alex Seah Shoo Chin, Exco Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Hal Ehwal Pengguna Kerajaan Negeri Melaka; YB Datuk Haji Zaidi bin Attan, Timbalan Exco Pelancongan, Warisan, Seni dan Budaya Kerajaan Negeri Melaka; YBrs. Puan Zubaidah binti Mukhtar, Ketua Pengarah Istana Budaya; dan Pengurusan Tertinggi MOTAC.



LAWATAN KE GALERI TUANKU NUR ZAHIRAH, UITM SHAH ALAM

8 OKTOBER 2024 - YB Khairul Firdaus Akbar Khan, Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya telah mengadakan lawatan ke Galeri Tuanku Nur Zahirah, Universiti Institut Teknologi Mara (UiTM), Shah Alam, Selangor. Dalam lawatan tersebut, beliau turut mengadakan sesi perbincangan bersama pihak pengurusan UiTM sebelum mengadakan sesi lawatan ke ruang galeri. Pada sesi lawatan ini juga beliau turut mengadakan lawatan ke bengkel tekstil, besi dan bengkel lain di samping beramah mesra dengan tenaga pengajar dan para pelajar.

Lawatan yang diadakan ini menunjukkan bahawa Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) menyokong usaha dan inisiatif UiTM, dalam melahirkan serta mengembangkan perusahaan seni kraftangan dan pembuatan melalui penyelidikan dan pembangunan. Turut hadir bersama, YBhg. Profesor Datuk Dr. Shahrin bin Sahib @ Sahibuddin, Naib Canselor UiTM, YBrs. Puan Wan Azilawati bin Wan Mahmood, Setiausaha Bahagian Dasar Kebudayaan MOTAC dan pegawai-pegawai kanan MOTAC.





TOURISM MALAYSIA LAUNCHES EDU+ PROGRAMME: A GATEWAY TO CULTURAL EXCHANGE AND ECONOMIC GROWTH



8 OKTOBER 2024 - The Ministry of Tourism, Arts and Culture through its agency Tourism Malaysia proudly announces Edu+ programme, set to revolutionize Malaysia's edutourism segment. Officially launched by YB Deputy Minister of Tourism, Arts and Culture, Khairul Firdaus Akbar Khan, this initiative promises to blend education with cultural immersion.

The Edu+ programme initially targets Japanese students, with plans to expand to Korea, China, Russia, and Vietnam. It offers a unique blend of English language education, cultural experiences, and sustainable tourism activities. With 19 prestigious educational institutions and 8 travel agencies on board, Edu+ is projected to attract 10,000 students in 2024, generating an impressive RM50 million in revenue for Malaysia.

This aligns perfectly with the country's ambitious goals for Visit Malaysia 2026. This initiative aligns with Malaysia's broader tourism goals ahead of Visit Malaysia 2026, a national campaign aimed at drawing in 23.5 million tourists and RM147.1 billion in tourism receipts.

Festival Kraf BORNEO
26 SEPT. - 13 OKT. 2024
 MAIN ENTRANCE & CENTRE ATRIUM
 PUSAT BELI-BELAH 1 BORNEO, KOTA KINABALU

PENGISIAN AKTIVITI

- JUALAN PRODUK KRAF**
 - Tekstil
 - Hasil Rimba
 - Hasil Logam
 - Hasil Tanah
 - Aneka Kraf
- PAMERAN PRODUK KRAF**
 - Produk Kraf Baharu Ikoniti Negeri Sabah dan Sarawak
- DEMONSTRASI PRODUK KRAF**
 - Anyaman Ribu-ribu
 - Ukiran Sarung Parang Baju Kota Belud
 - Ukiran Replica Perahu Lepa
 - Anyaman Bemban
 - Ukiran Sarung Parang Itang
 - Gubahan Manik Empang
- HEBAHAN JOM MASUK INSTITUT KRAF NEGARA (IKN) & KAMPUS SATELIT IKN SABAH**
- INTERAKTIF KRAF**
- AKTIVITI GALAKAN PENGUNJUNG**
 - Pergembahan Artis & Kumpulan Buskers
 - Pertandingan FKB Idol
 - Pertandingan Zandi Tavanus
 - Pertandingan Ratu Cilik FKB
 - Pertandingan Permainan Tradisi
 - Pertandingan Tik Tok FKB
 - Pertandingan Meneka Blangan Manik
 - Kuliz FKB
 - Pertandingan Tarihan FKB

088-433 461 / 088-423 471
 www.kraftangan.gov.my

SEMUA DIJEMPUT HADIR
ALL ARE INVITED

Panggung Seni Tradisional 2024
Kobau Den Lopeh

TEATER TRADISIONAL RANDAI
 RANDAI TRADITIONAL THEATRE

4 OKTOBER / OCTOBER 2024
 8.30 MALAM / PM

5 OKTOBER / OCTOBER 2024
 8.30 MALAM / PM

AUDITORIUM DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
 KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

BAHAGIAN BUKU: RM 20
 BAHAGIAN BUKU: RM 20
 BAHAGIAN BUKU: RM 20

SEBARANG HEDAI, JUALAN YANG AKAN DISAMBUTKAN SEBAGAI BAHAGIAN BUKU BERKAITAN DENGAN PERAGAIAN SENI BAHAGIAN DEWAN BUKU. PART OF THE TICKET SALES PROCEEDS WILL BE DONATED TO THE CULTURAL AND HERITAGE TRUST FUND FOR ART ACTIVITIES, SPONSORED BY MOTAC.

Tahniah! Pemenang

KUZE MINI PAMERAN KEMERDEKAAN
PERPUSTAKAAN MOTAC 2024
INFOGRAFIK KRONOLOGI PENUBUHAN MALAYSIA
"WORD SCRAMBLE" SEJARAH PENUBUHAN MALAYSIA

- ARIFF MUHAMMAD BIN SHAFFE**
UNIT INTEGRITI
- HAZRINA BINTI ABDUL HALIM**
BAHAGIAN AKAUN
- SUZILIA BINTI RODAK**
BAHAGIAN AKAUN

SEBARANG PERTANYAAN, SILA HUBUNGI:
 TEL: 03-88917105 / 7106
 (PN. AKMAL FARDHIANA / PTL. ZAWATI IBRAHIM)



MOTAC HARGAI DAN RAI 65 PESARA



10 OKTOBER 2024 - YB Tuan Khairul Firdaus bin Akbar Khan, Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya mewakili YB Dato Sri Tiong King Sing, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya hadir merasmikan Majlis Persaraan MOTAC 2024 bertempat di Dewan Sanggar Punjangga, MOTAC. Dalam ucapan beliau menyatakan semangat keluargaan perlu diterapkan dan dihayati kepada semua warga MOTAC selain memahami nilai-nilai kasih sayang bagi melaksanakan sesuatu tugas sebagai satu pasukan yang baik walaupun berbeza falsafah serta pandangan.

Penganjuran majlis ini bagi menghargai segala sumbangan dan dedikasi para Pesara selain meraikan 65 orang pesara dan bakal pesara bagi tahun 2024 yang telah mencurahkan khidmat bakti serta sumbangan kepada Perkhidmatan Awam khususnya.

Hadir bersama, YBhg. Datuk Wira Roslan bin Tan Sri Abdul Rahman, Ketua Setiausaha MOTAC, YBrs. Dr. Yasmeen binti Yasim, Timbalan Ketua Setiausaha (Pelancongan) MOTAC, YBhg. Dato' Shaharuddin bin Abu Sohot, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) MOTAC, Ketua-ketua Jabatan dan Agensi MOTAC, Pengarah-pengarah Negeri MOTAC, pegawai kanan MOTAC serta para Pesara MOTAC.



Penganjuran majlis ini bagi menghargai segala sumbangan dan dedikasi para Pesara selain meraikan 65 orang pesara dan bakal pesara bagi tahun 2024 yang telah mencurahkan khidmat bakti serta sumbangan kepada Perkhidmatan Awam khususnya.



MAJLIS PERASMIAN KARNIVAL CUTI-CUTI MALAYSIA



8 OKTOBER 2024 - YB Khairul Firdaus Akbar Khan, Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya telah merasmikan Prapelancongan Karnival Cuti-Cuti Malaysia 2024 (KCCM 2024) di Kompleks Kraf Kuala Lumpur. KCCM 2024 ini bakal berlangsung dari 25 hingga 27 Oktober 2024 di lokasi yang sama dan merupakan acara julung-julung kali yang diperkenalkan melalui kerjasama strategik antara Tourism Malaysia dan Kraftangan Malaysia. Bertemakan 'Crafting Holidays', karnival ini menawarkan peluang kepada pelancong untuk merancang percutian sambil menikmati pengalaman secara langsung dalam aktiviti seni, kraftangan, dan budaya warisan tempatan.

YB Timbalan Menteri dalam ucapan beliau berkata, penganjuran acara KCCM 2024 bertujuan merancakkan lagi aktiviti pelancongan domestik menerusi penjualan pakej pelancongan secara terus kepada pengguna selain menggalakkan rakyat Malaysia untuk merancang percutian di dalam negara. Turut hadir, YBhg. Dato' Mohd Yusri bin Mohd Yusoff, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) MOTAC, YBhg. Datuk Manoharan Periasamy, Ketua Pengarah TM, YBhg. Datuk 'Ainu Sham binti Haji Ramli, Ketua Pengarah Kraftangan, YBrs. Tuan Mohd Muda bin Bahadin, Ketua Pengarah Jabatan Warisan Negara dan pegawai-pegawai kanan MOTAC.

PENYATAAN DASAR KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

"MEMACU SEKTOR PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN YANG BERDAYA SAING DAN LESTARI DEMI PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI NEGARA"



**KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA,
NO. 2, MENARA 1, JALAN P5/6,
PRESINT 5, 62200 PUTRAJAYA**

f @ X d v mymotac | www.motac.gov.my

